

Raduan Norudin RN




Aris Aziz

Jalan Ampang - Wisma Yakin - Pasar Seni - Bukit Bintang

SENI DAN CINTA TAK AKAN MATI

9595
RI





Kulit depan, gabungan karya :
fotografi - Azmin Ramlie
lukisan - Aris Aziz
grafik - Raduan Norudin RN

PUSTAKA PERDANA



1012158

#bukucatatanseni
#arisaziz
#pelukis
#memoirpelukis



Penerbit:

Ras Art
13-3-14, Apartment Bustan,
Taman Shamelin Perkasa,
56100- Kuala Lumpur.

Dengan Kerjasama:

PeRUPA Malaysia
Istana Budaya
ITBM
Perubatan Homeopathy Dato' Hajjah Radziah Aziz

Tel: 018-3827554
raduan.art@gmail.com

Editor:

Dato' Dr Ibrahim Ghaffar

Penyelenggara:

Raduan Norudin

Penulis:

Aris Aziz

Penulis Tamu:

Sasterawan Negara Datuk A Samad Said
Prof Datuk Dr Mohamed Najib Dawa
Dato' Dr Ibrahim Ghaffar
Prof Madya Jalaini Abu Hasan
Prof Dr Johari Hamid
Rahime Harun (Allahyarham)
Suzlee Ibrahim
TSabri Ibrahim
Pyanhabib
Sani Sudin
Zaim Durulaman
Sinaganaga
Ladin Nuawi
Mohamed Noor Othman
Azlan Mam
Rahimidn Zahari (Allahyarham)
A Zaki Hadri
Hismat Alang Ibrahim
Shaanim Sahat
Sukeri Ahmad
Amirul Mukminin
Ewan Deen

Reka bentuk:

Raduan Norudin RN

Font: Eurostile / 11

Jumlah halaman: 218

Saiz buku: 180mm x 240mm

Dicetak oleh:

Studio Kaukab,
15-1, Jalan Pelangi 17,
Taman Pelangi
51100 K.Lumpur

Penerbit merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Urus Setia dan Penggerak Industri Buku Negara yang menyalurkan dana untuk penerbitan buku ini.



ISBN 978-967-15381

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk, dengan apa jua cara samada elektronik, fotokopi, mekanik atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit atau pemegang hak cipta.

All rights reserved part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form of any means, electrical, mechanical, or others without first seeking written permission from the publisher.



PERUBATAN HOMEOPATHY
DATO' HAJJAH RADZIAH AZIZ

Dedikasi kepada emak,
ayah, isteri-isteri, dan
anak-anak


ARIS AZIZ



1971
Jalan Ampang
Kuala Lumpur


Kandungan

Kata Pengantar Prof Zulkifli Yusoff.....	10	Amir Street Artist	85
Nota Seni Aris Aziz Raduan Norudin.....	12	Shaarim Sahat	86
Berhijrah Dari Kampung Ke Kuala Lumpur Aris Aziz.....	16	TSabri Ibrahim	90
Formal Atau Tidak Formal Aris Aziz.....	26	Sinaganaga	93
Dari Arked Panggung Collesium ke Kompleks Munshi Abdullah Aris Aziz.....	38	Rahimidin Zahari	96
Aku Gantung Kemaluanku Didahan Pohon Aris Aziz.....	40	Pyanhabib	102
DBKL Beri Papan Tanda “ Halaman Pelukis” Aris Aziz.....	42	Ibrahim Ghaffar	106
Hoessin Ennas, APS dan Aku Aris Aziz.....	46	Mohamad Noor Othman	107
Sekuntum Bunga Orkid Tersemat Didada Aris Aziz.....	49	Ladin Nuawi	110
Jangan Amalkan Jalan Kotor Aris Aziz.....	52	Hismat Alang Ibrahim	111
Melayu oh Melayu Aris Aziz.....	55	Ewan Deen	112
Selamat Tinggal Pasar Seni Aris Aziz.....	60	Zaim Durulaman	114
Tokyo dan London Aris Aziz.....	63	A Samad Said	117
Kota London Aris Aziz.....	67	Jalaini Abu Hasan	118
Dialog Nurhikmah Aris Aziz.....	70	Azlan Mam	120
Tentang Karya Potret Aris Aziz.....	72	Suzlee Ibrahim	122
Mengapa Aku Masih di Bukit Bintang? Aris Aziz.....	74	Rahime Harun	124
Potret: Psikoterapi Memandang Diri Sendiri Raduan Norudin.....	76	Ahmad Sukeri	126
Lukis Ikut Acuan Islam Raduan Norudin.....	78	Mohamed Najib Dawa	128
A Zaki Hadri	80	Sani Sudin	132
		Johari Hamid	136
		Balai Seni Lukis Aris Aziz	140
		Kata Mereka Tentang Aris Aziz Raduan Norudin.....	144
		Pameran	148
		Kolektor	149
		Karya	150
		Legasi	192
		Keratan Akhbar	204
		Penghargaan	220



" Sekembalinya ayah dari Pasar Borong, segeralah aku pula mengambil alih menggunakan beca bertuah itu untuk muatkan seberapa banyak lukisan yang ada, dan aku pula berkayuh menuju ke Jalan Ampang supaya dapat aku perdagangkan hasil karya yang tak seberapa itu."

Lukisan digital:
Salleh Saad
2007



KATA PENGANTAR

Buku berkaitan seniman seni visual tempatan harus diperbanyakkan. Dengan penerbitan buku-buku seperti ini akan menjadi wadah bersejarah untuk tatapan dan kajian seni visual pada masa akan datang.

Aris Aziz bukan nama yang asing. Dalam seni visual beliau meduduki 'ranking' yang disegani oleh setiap lapisan penggiat senilukis. Zaman gemilang Pasar Seni @ 'Central Market' pada tahun 80 / 90an menunjukkan beliau telah mencipta nama di Kuala Lumpur. Pada ketika itu, ramai pelajar-pelajar seni visual ITM (sekarang UiTM), pelajar seni Institut Pendidikan yang mendapat manfaat apabila bergaul dengan seniman-seniman di Pasar Seni tersebut. Ramai yang mengakui bahawa Pasar Seni adalah lubuk seniman-seniman sejati yang berkarya terus menerus sehingga kehari ini dan diterima oleh kebanyakan orang awam apabila tempahan-tempahan tanpa henti.

Bahkan ada dalam kalangan pengunjug yang hadir di situ bukan sekadar menonton suasana pelukis melukis dan berurusniaga, malah ada yang datang untuk 'mempelajari' sesuatu dalam bidang senilukis samada dari segi teknikal, sosiologi kumpulan seniman dan juga pengurusan seni.

Sepanjang mengenali Aris Aziz, saya mendapati beliau seorang yang sangat tekun, taat dan setia dengan genre yang diperkasakannya iaitu dalam melukis potret. Beliau mempunyai skil yang tinggi dan amat berdisiplin.

Buku ini mendedahkan kepada khalayak, pengalaman dan sejarah Aris Aziz sepanjang 44 tahun bergelar seniman. Membuka ruang kepada para pembaca untuk mengenali pelukis Aris Aziz dengan lebih dekat. Mengungkap pengalaman seninya, melihat Aris Aziz dari sudut intelektual, emosi, peribadi dan perjuangan seninya.

Data seni yang dikumpul, diterbit dan dikongsi bersama ini diharap akan memberi impak besar kepada dunia seni lukis tanah air bagi kegunaan pelajar seni, pelukis, peminat seni dan sesiapa sahaja yang berkaitan.

Tahniah kepada saudara Raduan Norudin RN atas daya usaha mendokumentasikan perihal pelukis Aris Aziz. Dengan ini akan terbuka pintu kajian-kajian yang lain bagi menambah khazanah data seni negara.

Dunia seni lukis negara memerlukan lebih ramai lagi pengkaji, penyelidik dan penulis bagi merungkai dan merakam sejarah seni lukis tempatan. Rakaman seni hari ini adalah sejarah pada masa akan datang.

Prof Zulkifli Yusoff

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
2017



Bismillahirrahmanirrahim



Saya mula rapat dengan Aris Aziz sekitar 4 tahun yang lalu. Kami sama-sama mengemudi Persatuan Seni Rupa Malaysia (PeRUPA). Beliau Pengerusi, saya Setiausaha. PeRUPA yang ditubuhkan pada 23 Mei 2013 telah menyaksikan kami bertahan selama dua penggal di dalam barisan Ahli Jawatankuasa iaitu sesi 2014-2015 dan 2016-2017.

Walaupun saya baru saja merapati Aris Aziz, namun nama besar beliau saya telah ketahui semenjak tahun 80 an lagi. Rata-rata kami pelajar sekolah yang meminati subjek seni lukis sudah mendapat maklumat yang banyak tentang pelukis-pelukis dan idola kami yang beroperasi di Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Aris Aziz mempunyai skill melukis yang tinggi, boleh menyiapkan kerja-kerja senilukis dalam jangkamasa yang cepat. Beliau ramai kenalan terdiri dari pelbagai peringkat. Sebagai orang lama yang konsisten dalam dunia seni lukis, saya merasakan kisah seni Aris Aziz perlu dibukukan untuk dijadikan data berguna kepada peminat seni. Pada mulanya saya berbincang dengan Rahimidin Zahari (Allahyarham), katanya beliau (pada ketika itu) memang sedang mengumpul maklumat mengenai Aris Aziz untuk dibukukan. Namun semuanya tidak berjaya dilaksanakan apabila Allah SWT lebih awal menjemput Rahimidin iaitu pada 25 Mei 2015.

Untuk tidak menghampakan, saya cuba gagahi merealisasikan penerbitan buku ini, tetapi dengan cara yang saya fikirkan iaitu sebuah naskah yang anda lihat dan baca pada hari ini.

Tajuk-tajuk yang dipilih dalam buku ini, ialah artikel yang telah pun ditulis sendiri oleh Aris Aziz di dalam blognya yang telah dimulakan sekitar tahun 2011. Dari situ, teks dikutip dan digubah semula, manakala artikel dari sahabat Aris Aziz juga telah dimuatkan sebagai pengukuhan kewujudan Aris Aziz sebagai satu sosok penting dalam dunia seni tampak Malaysia.

Aris Aziz telah memberikan kerjasama sepenuhnya. Banyak bahan-bahan telah diserahkan kepada saya untuk dianalisa dan dipilih. Walaubagaimana pun tidak semua dapat dibukukan, cukup sekadar mengangkat artikel dan gambar penting yang bersangkutan dengan perjalanan hidup Aris Aziz sebagai seorang seniman.

Setelah mencerna dapatan-dapatan yang dikumpul, saya tidak ragu-ragu lagi untuk menyebut bahawa Aris Aziz adalah bapa kepada segala pelukis jalanan yang ada dalam Malaysia ini.

Bermula melukis di jalanan pada tahun 70an hinggalah kehari ini, tiada siapa pelukis dalam negara ini mempunyai rekod sedemikian.

Biar pun ada tanggapan negatif orang tentang para pelukis jalanan ini, namun saya tidak mengukur hasil lukisan, harga lukisan, berpameran di galeri atau tidak, tetapi saya menyukat perihal perjalanan dan sejarah peribadi yang dibina oleh Aris Aziz di dalam menerbitkan buku ini.

Perjalanan seninya yang sangat panjang, berliku, getir, menemukan suka dan duka, bergaul dengan marhaen dan bangsawan, melukis siang dan malam - saya hadiahkan kepada Aris Aziz dengan menerbitkan sebuah buku tentang beliau.

Barangkali jika ada tulisan, cerita, puisi, gambar dalam buku ini yang mendatangkan manfaat kepada kalian yang membeli buku ini, silalah ambil - saya juga mengucapkan kesyukuran kepada Allah atas kudrat yang diberikan.



ARIS AZIZ: Raduan Norudin RN

Sejarah: mesyuarat penubuhan PerRUPA yang pertama, bermula di Istana Budaya, 7 Feb 2013. Disini saya mula mengenali rapat dengan Aris Aziz





2015
Ziarah Seni PeRUPA ke studio Prof Zulkifli Yusof,
Kampung Serigala,
Tanjung Malim.



Kepada rakan-rakan Aris Aziz yang telah memberikan sumbangan esei, idea, fotografi, keratan akhbar, puisi dan lakaran, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Semua pemberian itu saya kompilasikan menjadi naskah buku, yang boleh diarkibkan, boleh dirujuk oleh generasi akan datang. Setidak-tidaknya telah bertambah satu lagi penyelidikan seni dan penerbitan perihal pelukis tempatan.

Jika masih terdapat kekurangan, saya memohon maaf. Sumbangan kecil kami dalam industri seni lukis negara tercinta ini diharap mendatangkan banyak faedah.


Satu perkara, ungkapan yang menarik perhatian saya yang disebut oleh Prof Zulkifli Yusoff.....

"ARIS AZIZ ITU SAMA SEPERTI ALLAHYARHAM RAHMAN B , [PENGGIAT BANGSAWAN] ATAU PENGGIAT-PENGGIAT MAKYUNG. MEREKA KEKAL DENGAN PERJUANGAN YANG MEREKA YAKINI, LANTARAN ITU TIADA SIAPA YANG DAPAT MENGUBAH MEREKA. DAN PRINSIP MEREKA ITU HARUS DIRAI DAN DIHORMATI"

AYA

bab satu

mukasurat 16
hingga 75



BERHIJRAH DARI KAMPUNG KE KUALA LUMPUR

Aris Aziz

1970

Perpindahan ke Kuala Lumpur ketika itu melibatkan seluruh keluarga, Mengikuti orang tuaku, tiada pilihan lain. Masalah kewangan dari kampung (Trong, Taiping) digendong bersama ke Kuala Lumpur. Masalah tetap masalah kerana Kuala Lumpur ketika itu tidak menjanjikan apa-apa untuk sesiapa saja yang cuba untuk hidup sebagai orang Kota.

Aku rasa cukup untuk per katakan tentang episod SUSAH. Tidak akan selesai dan tidak akan menemui titik penamat. Yang penting aku harus cari jalan keluar daripada hidup berangan-angan. Terfikir apakah kebolehan yang aku ada untuk diperdagangkan pada orang ramai. Berfikir untuk mencari kerja, sedangkan pada ketika itu bukanlah mudah. Disamping itu aku mengisi masa lapang dengan melukis, segala macam bahan aku gunakan, oleh yang demikian terhasillah berpuluh puluh buah lukisan cara aku. Beca arwah ayah adalah sumber terpenting untuk membawa lukisan dari Datok Keramat ke Jalan Ampang.



Aris Aziz ketika remaja.
Penuntut Madrasah
Yahyawiah,
Padang Rengas,
Perak

Aziz Rahman atau A J Rahman (1950-1990) sering menemani aku ketika di Jalan Ampang. Beliau menunjuk ajar bagaimana melukis menggunakan cat air .

Awal pagi selepas solat Subuh, ayah segera dengan becanya dan terus berkayuh hingga ke Pasar Borong, Jalan Ipoh membeli ikan, sayur-sayuran untuk dijual kepada penduduk setempat, Kampung Lembah Kinabalu, Lorong Kiri 5, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Kebetulan rumah setinggian yang kami bangunkan dijadikan kedai runcit secara kecil-kecilan. Bahagian serambi yang sememangnya berlantai terpaksa diroboh, supaya lebih sesuai untuk dijadikan semacam kedai runcit. Dari hasil jualan dapat menampung hidup kami sekeluarga.

Sekembalinya ayah dari pasar borong, segeralah aku pula mengambil alih menggunakan beca bertuah itu untukku muatkan seberapa banyak lukisan yang ada, dan aku pula berkayuh menuju ke Jalan Ampang supaya dapat aku perdagangkan hasil karya yang tak seberapa itu. Aku sedar lukisan yang ada bukanlah lukisan yang terbaik, hanya sekadar sebuah lukisan biasa bagi seorang pelukis yang cetek pengalaman. Namun aku pasti tega untuk terus hidup, jika tidak begini apa pula terjadi untuk hidup pada masa mendatang. Sudahlah dikampung tempat tumpah darah lagikan susah, apatah lagi kalau dirantau, jika aku leka pasti hidup akan terus terhumban dalam ertikata merempat.

Gantung lukisan di pagar tepi Jalan Ampang. Setiap hari inilah aktiviti aku lakukan. Selesai saja gantung lukisan di pagar aku rehat sebentar di Warung Pak Hassan berdekatan.

Pak Hassan orang Melaka, ceria kalau aku tiba kewarungnya.

Macam biasa Pak Hassan!!!!

Segelas teh tarik dan sebungkus nasi lemak panas berbungkus daun pisang.....jarang menemui nasi lemak dibungkus dengan daun pisang dengan sambal ikan bilis yang memang menyelerakan, maklumlah orang kampung yang berniaga, masih menjaga kesempurnaan makanan. Biar terasa berbaloi, sedap walaupun sedikit.



**“Aris macamana?!! Pak Hassan
tengok tak ada pun orang singgah beli
lukisan kau. Dah lama sangat kamu
gantung lukisan kat pagar tu!”**

Sambil mengemas meja Pak Hassan bertanya,

“Aris macamana?!! Pak Hassan tengok tak ada pun orang singgah beli lukisan kau. Dah lama sangat kamu gantung lukisan kat pagar tu!”

“Ya lah Pak Hassan pedih betul perasaan ni Pak Hassan”,

“Sabar ya!!! Ris kamu dah usaha InsyAllah akan ada juga rezeki tu!!!

“Ya Pak Hassan mungkin saya perlu bersabar dengan dugaan ini”.

Aku bertekad untuk terus melukis dan berusaha bersungguh-sungguh pasti akan datang hasilnya. Hidup ini bukanlah mudah seperti yang aku sangkakan.

Hujan dan panas terpaksa aku lalui, naik turunkan lukisan dari pagar telah menjadi kebiasaan. Lebih-lebih lagi dimusim hujan, terasa sangat keperitannya. Apa pun hujan dan panas adalah perkara biasa di negara kita. Kalau tak mahu berhujan atau berpanas kena cari tempat yang ada bumbung. Contohnya di Balai Seni Lukis Negara atau di Pasar Seni, atau Galeri aku sendiri.

Dari masa ke masa setiap hari aku sering menggalas kepayahan dan harapan akhirnya lukisan yang dipamer dipagar perlahan-lahan akan dibeli orang. Keyakinan mula segar kembali untuk mempercayai aku akan jadi pelukis yang berjaya.

Apakah menjadi pelukis di tanahair sendiri, menjanjikan kemewahan? Atau sekadar boleh cari makan? Inilah pertanyaan yang sering mengoyak cuping telingaku, kadang meledak kemarahan dalam sanubari. Kesabaran juga menjadi teman kehidupan rupanya. Satu pertanyaan yang bertentangan dengan akidah sebagai seorang Muslim, aku percaya dengan cukup mendalam. Jika sudah berusaha nescaya Tuhan akan memberikan hasil rezekiNya. Apa bezanya seorang nelayan turun ke laut mencari rezeki pastikah Sang Nelayan membawa pulang ikan atau sebaliknya. Pada hal setiap hari kita masih makan ikan, keenakan hidangan gulai ikan masak lemak cili api mampu melupakan kita pada Sang Nelayan, betapa sukarnya mencari rezeki di laut. Akhirnya sorongkan pinggan sambil sendawa besar, kekenyangan terus tidur dengan bermacam mimpi mengasyikkan.

AYA

Aris Aziz menggunakan beca dalam urusan pengangkutan karya lukisan, berkayuh setiap hari dari Datuk Keramat ke Jalan Ampang selama 7 tahun.

1971- Aris Aziz ketika itu berusia 20 tahun



20



Peneman, penunjuk ajar, pemberi semangat - itulah; pelukis cat air Cikgu Abdul Aziz Rahman yang sering menjenguk Aris Aziz melukis di Jalan Ampang, Kuala Lumpur awal 1970-an. Cikgu Abdul Aziz Rahman [AJ Rahman] pernah mendapat didikan dari sejarawan senilukis iaitu Abdullah Ariff



Berhadapan dengan Balai Seni Lukis Negara, Jalan Ampang, Aris Aziz menggantung karya di pagar untuk pameran dan jualan



Seperti orang lain, Aris Aziz setiap pagi akan berpakaian kemas keluar rumah. Orang lain ke destinasi mereka ke pejabat, Aris Aziz membawa buku lakaran ke Jalan Ampang, Wisma Yakin atau Arked Collesium serta sekitar Kuala Lumpur mencari pelanggan untuk lukisannya.

1980

Fotografi: Pelukis Ismail Osman

Lokasi gambar: Ulu Klang



Gambar di sekitar Wisma Yakin, 1983

Lokasi gambar:

- 1) Jalan Melayu (atas)
- 2) Jalan Masjid India (bawah)



Suasana melukis dan mempamer karya lukisan di Jalan Ampang 1976. Kelihatan beca di belakang Aris Aziz yang digunakan untuk mengangkut karya-karya . Disebalik tembok sebelah kiri ialah tanah perkuburan Islam. Diseberang jalan, iaitu dibahagian kanan ialah Balai Seni Lukis Negara.



Jalan Melayu, Wisma Yakin
'HALAMAN PELUKIS'
1982



FORMAL ATAU TIDAK FORMAL ?

Aris Aziz

“ **Menjadi seorang pelukis?** ”, satu persoalan penting menggolok fikiran masyarakat moden kita hari ini. Kalau jadi pelukis semestinya ada pengkhususan, begitu juga bidang-bidang kerja lain. Mempercayai pengetahuan adalah suatu sikap yang terpuji. Tetapi dalam bidang seni, khususnya senilukis jika sekadar pengetahuan melukis sahaja belum menunjukkan kesempurnaan sebagai seorang pelukis, perlu memiliki kemahiran dalam penguasaan bahan catan, yang utamanya tahu melakar, komposisi, motif, konsep, dan segala macam kerenah yang harus di adaptasi dalam karya seni lukis.

Liputan stesen tv
tentang pelukis jalanan
1984

S.Mizi, Tan Rahim Zahici,
Zulhairi Zainal Abidin,
Salleh Dawam antara
kumpulan terawal melukis
potret dijalanan,
Jalan Melayu berhampiran
Wisma Yakin.
1983.

LAKARAN (SKETCHES)

Lakaran adalah keutamaan bagi setiap pelukis, membuat pendekatan atau kepekaan pelukis terhadap sesuatu yang dilukis. Mencari seni pada tujuan lukisan kita. Seni yang hidup dalam jiwa manusia yang bernama insan. Menilai segala macam yang dilihat, didengar, atau yang difikir. Untuk dihidup khabarkan kepada sesama manusia. Bukan semata-mata bila disebut lukisan semestinya cantik belaka. Malahan lebih dari itu, yang musnah, yang sedih, gembira yang halus mulus dan berbagai.

Akhirnya manusia akan tahu dan menilai, menyayangi segala yang Tuhan amanahkan pada makhluknya. Betapa pentingnya pendidikan seni pada manusia demi menjaga segala nikmat dari Ilahi. Menilai dengan rasa rendah hati terhadap keindahan dan kesempurnaan. Contoh, keindahan alam, bukit-bukau, gunung-ganang, sungai yang mengalir kejernihan, pohon-pohon menghijau berbuah melahirkan bibit kehidupan - pasti dijaga dengan bersungguh dan amanah. Jangan di rosakkan.

Pendidikan Seni perlu mengajar manusia tahu nilai sesuatu yang diberikan, tidak sesuka hati mengotorkan tempat yang baik untuk sesama manusia terus hidup. Begitu juga kehidupan selain dari yang dipanggil manusia. Kesimpulannya Pendidikan Seni perlu mengajar manusia erti kehidupan yang harmoni. Ada sifat-sifat rendah hati.

Melakar, bukan bererti sekadar melakar di atas kertas atau kanvas, bahkan sehingga mencapai melakar di dalam hati sanubari.

KELEBIHAN MELUKIS DEPAN KHALAYAK

Melukis depan khalayak bukan suatu perkara yang mudah, pelukis perlu memiliki daya ketahanan mental yang kuat. Penguasaan teknik yang cukup, daya imaginasi yang luas. Tidak semua pelukis mampu melakukan. Lukisan yang digantung untuk dijual akan lebih mendapat perhatian para peminat apabila pelukis beraksi melukis dengan penuh bergaya.

Walaupun setiap hari aku melukis di Jalan Ampang, sambil mengharapkan lukisan terjual, namun hanya tinggal harapan. Tak semudah yang dirasakan. Orang lebih suka melihat daripada membeli. Kebanyakan lukisan yang dipamerkan pada pagar semua lukisan pemandangan. Lukis menggunakan 'Pallette Knife'.



TEKNIK IMPASTO.

Cat minyak yang digunakan mestilah tebal atau timbul sekaligus menunjukkan stroke pada lukisan. Mungkin ramai yang tahu teknik ini. Teknik ini lebih mempengaruhi pasaran lukisan dimana-mana.

Dalam teknik IMPASTO. Cukuplah untuk sekadar saya sebut tentang teknik atau bagaimana cara melukis. Setahun telah berlalu, aku menjadi biasa dengan segala macam kerenah ketika meletakkan harapan seluas-luasnya, disitu, Jalan Ampang banyak mengajar aku tentang bagaimana mengenali kemahuan atau selera penggemar lukisan yang setiap hari melalui jalan tersebut, setakat yang mampu aku lukis, sedikit sebanyak telah pun memberi faedah. Keyakinan semakin melonjak untuk terus melukis.

Dari hasil penjualan lukisan aku tidak sia-siakan, selain makan minum, aku tidak lupa membeli bahan senilukis dan membeli buku-buku panduan seni lukis, banyak dijual di Venus Art, Jalan Petaling. Akhirnya boleh dikatakan semua buku-buku yang bersangkutan senilukis aku miliki. Dan disamping itu membeli buku-buku sejarah senilukis dunia dan tidak mengabaikan juga tentang sejarah seni lukis tanahair (Malaysia) Kebetulan aku menjual lukisan dihadapan Balai Seni Lukis Negara, kesempatan untuk melihat pameran Koleksi Tetap dan pameran-pameran lain tidak pernah aku abaikan. Boleh dikatakan setiap hari keluar masuk ke Balai Seni Lukis Negara tujuan membuat rujukan secara terperinci.

Secara tidak langsung semua kakitangan Balai Seni Lukis Negara ketika itu aku kenal - Encik Sulaiman, Pengarah Balai Senilukis Negara Puan Wairah Marzuki, Encik Rahime Harun, Encik Malik, Encik Samad, hingga Pak Alias pengawal keselamatan disitu. Aku merasakan sesuatu yang cukup berharga mengenali mereka, walaupun mereka tidak mepedulikan lukisan aku.

Tak perlu aku fikirkan lagi lukisan aku samada layak untuk menembusi tembok yang terlalu tinggi dan tebal itu. Cukuplah sekadar aku mengenali beberapa orang pelukis yang keluar masuk disitu. Hoesein Ennas, Khalil Ibrahim, Latiff Mohiden, dan beberapa orang lagi. Walaupun tanpa memperdulikan aku, tetapi mereka-mereka ini adalah sumber inspirasi untuk aku terus melukis dan melukis.

Seni lukis bukan sesuatu perkara yang mudah untuk disempurnakan, kerana seni lukis adalah penyatuan ruang yang amat sukar berdasarkan cantuman daya fikir dan rasa hati yang tidak terbatas. Itulah kesukaran apabila aku melihat karya-karya besar yang terpapar di panel pameran Balai Seni Lukis Negara.

Pemikiran aku yang penuh sarat memikirkan tentang karya tersebut, apa mungkin aku akan sampai ketahap mereka yang telah berjaya mencipta nama sebagai pelukis yang terkenal lagi ampuh. Aku pasti tega terus melukis walaupun berat segala macam kerengah kehidupan.

MITOS MELAYU

Kalau untuk menyebut soal tidak makan, aku rasa malu dengan diri sendiri, sedangkan masih ramai lagi manusia yang melata di muka bumi ini yang lebih sukar untuk mendapat makanan. Malahan tidak punya rumah tempat berteduh, hidup dalam ketakutan dan kesakitan, kesedihan. Aku rasa masih bernasib baik kira Tuhan telah melahirkan aku di NEGARA BERTUAH ini. Kita masih mampu berusaha terus menerus dalam apa bidang sekalipun.

Cuma aku tak pernah lupa setiap apa yang kita inginkan, bukan mudah untuk dicapai melainkan harus melalui proses yang sukar. Inilah latihan untuk kematangan sebagai seorang pelukis. Lebih-lebih lagi Pelukis Melayu, kita sama sama menghadapi (Tuduhan Mitos Melayu) berpendapat menjadi pelukis susah untuk cari makan.

Arifin 2017

rakyat

“ sebuah catatan perjalanan insan seni - pelukis jalanan “



Raduan Norudin RN lahir di Kuala Kangsar, Perak. Mendapat pendidikan awal di SK Sayong, SM Sayong, SM Clifford, Peretak Kuala Kubu Baru.

Menyambung pendidikan di UiTM Sri Iskandar dalam jurusan Pentadbiran Awam -1996 (tidak menamatkan pengajian), kemudian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim -1999-2002, dalam pengkhususan Pendidikan Seni (Ijazah Sarjanamuda). Meneruskan pelajaran di Universiti Malaya- 2007-2009, dalam bidang Pengajian Melayu: Kesenian (Sarjana).

Pernah berkhidmat sebagai Warder penjara Taiping (1990-1992), Bertugas di KKM, Hospital Ipoh sebagai Pereka Grafik (1992-2004), berpindah ke RTM sebagai Pereka Set (2004-2011), sekarang (2017) berkhidmat di Istana Budaya sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Seni Reka.

Pernah dilantik menjadi Setiausaha Persatuan Seni Rupa Malaysia (PeRUPA) bagi sesi 2014- 2015, dan 2016- 2017. Penolong Setiausaha GAPs 2012-2013. Menyertai pelbagai persatuan pelukis antaranya PeRUPA, APDR/ sekarang PPP (Persatuan Pelukis Perak) dan GAPs. Dilantik sebagai Panel Penimbangtara Kesatuan Pereka Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia 2014-kini. Meminati semua bidang kesenian, terutama seni visual

ISBN 978-967-15381-0-4



9 789671 153810 4

ras♦art | raduan.art@gmail.com | 018-3827554